

## Kedai gunting tak banyak songeh

**Bukit Mertajam:** Tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) kedai dandan dan gunting rambut seluruh negara melebihi 90 peratus sejak dibenarkan beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Permulihan (PKPP).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya sentiasa

melakukan pemeriksaan ke premis perniagaan itu melalui Ops Cutut 7.0.

Katanya, walaupun tiada aduan diterima, penguat kuasa KPDNHEP sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan pematuhan SOP serta harga perkhidmatan ditawarkan.

"Setakat ini, lebih 90 peratus kedai dandan dan gunting rambut mematuhi SOP bahkan pelanggan juga membiasakan diri de-

**90%**

Tahap pematuhan SOP pengusaha kedai dandan dan gunting

ngan normal baharu," katanya selepas melawat syarikat logistik di Jalan Permatang Nibong, Bukit Mertajam, semalam.

Sebelum itu, beliau turut melawat syarikat pembo-

rong barang runcit seperti bawang, cili kering dan ubi ketang.

Katanya, sehingga semalam 551 premis dandan dan gunting rambut di seluruh negara diperiksa.

"Sebanyak 788 notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta 17 notis amaran dikeluarkan kepada pengusaha dandan dan kedai gunting rambut," katanya.

